

# Kes ragut sebagai bom jangka

Kosmo 26/04/09 m/s 10

SEJAK kebelakangan ini, kejadian ragut dan samun di ibu kota semakin menjadi-jadi. Si penjenayah akan berbuat apa sahaja asalkan hajat mereka tercapai biarpun perbuatan itu boleh mengancam nyawa mangsa.

Mat Spek yang kebetulan singgah di sebuah balai polis di Selangor baru-baru ini mendapati kes paling banyak dilaporkan ialah ragut. Ada yang menangis-nangis datang ke balai polis dan ada pula tiba di balai dengan muka merah padam akibat geram dengan si peragut.

Malah ada pengadu yang begnya diragut di kawasan belakang balai polis berkenaan oleh seorang lelaki bermotosikal ketika dia keluar dari kereta.

Dalam kes lain, dua gadis mengadu peragut menggunakan pisau untuk mengugut mereka supaya menyerahkan beg duit dan telefon bimbit di kawasan tempat letak kereta.

Ternyata, di mana sahaja anda berada, anda sebenarnya diburu oleh penjenayah yang hanya menunggu anda alpa.

Masalah rakyat ini wajar ditangani segera oleh pihak berkuasa dengan merancang strategi berkesan bagi merangkan kes berkaitan ragut dan samun yang sudah menjadi igauan ngeri setiap mangsa.



**mat**spek  
ZULKIFLI ABDULLAH  
berita@kosmo.com.my


Mereka sebenarnya tidak ada pilihan selain menyerahkan apa sahaja yang ada kerana si penjenayah sudah mengunus pisau di leher. Jika mereka mahu tunjuk jajah, dikhawatiri nyawa mereka akan melayang.

Dalam hal ini, orang ramai perlu diberi tip tertentu untuk mengelak mereka menjadi mangsa ragut seperti tidak membawa beg tangan yang disandang di bahu sebaliknya hanya membawa dompet wang yang disimpan di dalam poket seluar.

Mereka juga digalakkan membawa bersama cecair penyembur berlada untuk memancitkannya ke mata penjenayah. Yang lebih penting orang ramai diminta mengingat nombor pendaftaran kenderaan penjenayah dan jenis kenderaan sebelum segera memaklumkan kepada pihak polis.

Keadaan ekonomi yang agak suram dengan peningkatan bilangan mereka yang diberhentikan kerja termasuk di kalangan warga asing juga harus diberi perhatian.

Bilangan pekerja asing di negara ini bukanlah sedikit malah dalam



ISSAM OMAR

angka jutaan. Di Malaysia sahaja sudah terdapat kira-kira 400,000 pekerja Bangladesh.

Jika mereka dibiarkan tanpa ada sebarang pekerjaan, kita se-

olah-olah membenarkan bom jangka berada dalam negara dan hanya tunggu masa untuk meletup.

Persoalannya, bolehkah kita serahkan bulat-bulat kepada pasukan

keselamatan terutama polis untuk menangani masalah ini dengan keanggotaannya yang hampir 100,000 orang itu. Ini belum ditolak dengan anggota polis yang berkhidmat di bahagian pentadbiran, teknikal dan pengurusan.

Justeru, hasrat kerajaan untuk mengambil lebih ramai anggota polis hingga mencapai 150,000 orang menjelang 2011 adalah wajar untuk mengurangkan kadar jenayah dan mengekalkan keamanan negara.

Selain itu, hukuman ke atas mereka yang terlibat dengan perbuatan ragut dan samun perlu dikaji semula dengan hukuman yang lebih berat. Mungkinkah hukuman maksimum jenayah tersebut yang memperuntukkan penjara sehingga 20 tahun tidak begitu menggerunkan mereka yang terlibat?

Kejadian ragut juga mula mengemparkan masyarakat apabila berlaku beberapa kejadian hingga menyebabkan kematian seperti yang menimpa Chin Wai Fun, Lee Khian Yip dan Kartini Mansor.

Penjenayah ganas itu sanggup mencabut nyawa seseorang hanya untuk mendapatkan telefon bimbit yang harganya mungkin hanya sekitar RM100 atau RM300. Sedih bila mengenang perkara ini dan begitu murahnyanya nyawa penduduk Malaysia sekarang.